

SULIT

NO. SOALAN: 95

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 31 JULAI 2017

RUJUKAN : 9991

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kes yang dilaporkan dalam NST pada 16 Mei 2017 di mana pengikut Daesh ditahan di negara lain, dihantar ke Malaysia dan berjaya memasuki negara kita. Berapakah pengikut Daesh terlibat dan adakah Polis berjaya mengesan mereka serta tindakan selanjutnya.

SULIT

SULIT

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan akhbar tersebut telah menyentuh mengenai kehadiran lebih kurang 30 orang warga asing ke Malaysia yang disyaki dan diusir dari beberapa buah negara luar khususnya Turki kerana terlibat dengan aktiviti keganasan. Pengusiran tersebut telah dibuat tanpa mengikut prosedur kerana pihak berkuasa Malaysia seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen dan Wisma Putra tidak dimaklumkan terlebih dahulu dan *'last port of embarkation'* mereka bukan dari Malaysia. Walau bagaimanapun, PDRM telah menahan seramai 14 orang dan kesemua mereka telah diusir.

SULIT